

PM minat program jet pejuang Korea Selatan

BH - 26/11/2019 m/s:2

Sacheon: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang mengadakan lawatan ke Korea Aerospace Industries Ltd (KAI), semalam menyatakan minat terhadap pembangunan program jet pejuang dari Korea Selatan.

Beliau menyifatkan Korea Selatan menunjukkan kemajuan sejak kali terakhir lawatannya ke negara itu, membuatkan beliau tidak sabar untuk melihat sendiri pencapaian industri penerbangan tempatan berkenaan.

Dr Mahathir yang kali terakhir melawat Korea Selatan sebagai Perdana Menteri pada 2002, menghabiskan masa lebih sejam di kemudahan KAI, kira-kira dua jam perjalanan berkereta dari Busan.

Perdana Menteri turut menunjukkan minat ketika diberikan penerangan dalam kokpit pesawat tempur ringan, FA-50 oleh juruterbangnya.

Dr Mahathir yang kini berada di Korea Selatan menghadiri Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-Republik Korea (ROK) 2019 di Busan, tiba di KAI dengan me-

naiki helikopter dan disambut oleh Menteri Pentadbiran Program Pertahanan Korea Selatan (DAPA), Wang Jung-Hong serta Ketua Pegawai Eksekutif KAI, Ahn Hyun-Ho.

Perdana Menteri diiringi Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah serta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ignatius Darell Leiking.

Korea Aerospace Industries, yang lebih dikenali sebagai KAI adalah syarikat aeroangkasa dan pertahanan Korea Selatan.

Pesawat FA-50 KAI adalah varian tempur T-50, pesawat supersonik pertama Korea Selatan dan satu daripada beberapa pelatih supersonik yang ada di dunia.

KAI turut membangunkan jet pejuang generasi 4.5, KAI KF-X, satu usaha sama antara Korea Selatan dan Indonesia.

Program berkenaan diterajui Korea Selatan dengan memegang 80 peratus saham dan disertai Indonesia pada 2010 dengan memiliki selebihnya, 20 peratus pengan saham.



Dr Mahathir melihat jet tempur ringan FA-50 ketika lawatan ke Korea Aerospace Industry di Sacheon, Korea Selatan, semalam. (Foto BERNAMA)